



AHMAD (depan berdiri lima dari kiri) bersama penggerak program pemeriksaan kesihatan percuma di INSTUN, Behrang Ulu.

## Pemeriksaan kesihatan percuma

**Behrang Ulu:** Ratusan penduduk Kampung Behrang Ulu berkesempatan menjalani pemeriksaan secara percuma menerusi program khidmat masyarakat anjuran Persatuan Pendidikan dan Rehabilitasi Kanak-Kanak Istimewa, Ibu Tunggal, Kesihatan Minda dan Warga Emas Malaysia (PRIMAS), semalam.

Program itu dirasmikan Ketua Penasihat Tanggungjawab Sosial Korporat Media Prima, Datuk Ahmad A Talib dan turut memberi kerjasama ialah Majlis Kanser Nasional

(MAKNA) dan Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN).

Dalam ucapannya, Ahmad berkata, Kampung Behrang Ulu perlu dibangunkan dengan penuh kesepakatan membabitkan kerjasama pelbagai agensi yang ada supaya menjadi kampung maju dalam pelbagai bidang.

Ahmad selaku Penasihat Pertama PRIMAS berkata, INSTUN yang terletak di kawasan Behrang Ulu perlu dimanfaatkan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti, malah hebahan melalui te-

levisyen di bawah Media Prima seperti TV3 dan TV9 juga memberi kesan kepada sambutan program ini.

“Saya berterima kasih kepada PRIMAS pimpinan presidennya, Latun Azizah yang gigih menjayakan program kesedaran kesihatan di sekitar Tanjung Malim ini,” katanya.

Program itu turut dibantu oleh lebih 40 sukarelawan terdiri daripada pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Hadir sama pada majlis itu, Pengerah INSTUN, Mohd Ashraf Mohd Noor.